



Headline: Rugi RM11,000 ditipu individu menyamar pegawai SPRM  
Language: Malay  
Section: Sentral  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Page: 18  
Date: 26 September 2018

## ***Rugi RM11,000 ditipu individu menyamar pegawai SPRM***

KUANTAN - Seorang lelaki rugi lebih RM11,000 selepas terpedaya helah seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mangsa berusia 25 tahun dihubungi lelaki tersebut semalam memaklumkan akaun bank miliknya telah disenaraihitam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, seperti biasa, mangsa disambungkan kepada individu lain kononn-

ya pegawai polis dari Bukit Aman.

"Mangsa dimaklumkan dia berdepan masalah besar apabila dia turut dikaitkan dengan kes pengedaran dadah dan pengubahan wang haram.

"Suspek meminta mangsa membayar RM11,000 sekiranya tidak mahu dikenakan tindakan dan disenaraihitamkan," katanya.

Mohd Wazir berkata, mangsa diminta memindahkan wang daripada akaun Tabung Haji ke sebuah akaun bank lain dan menyerahkan



**WAZIR**

maklumat perbankan termasuk nombor pin.

"Mangsa akur dengan arahan suspek apabila mem-

buat pemindahan wang seperti yang diarahkan.

"Dia hanya menyedari ditipu selepas bank berkenaan menghantar mesej berhubung dua transaksi pemindahan wang segera berjumlah RM9,999 dan RM1,500 dari akaun tersebut," katanya.

Beliau berkata, mangsa yang bekerja sendiri kemudiannya membuat laporan polis di Balai Polis Kuala Rompin.

"Susulan laporan itu, kertas siasatan dibuka dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.